

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN**  
**KAWASAN : RAZALI**  
**: KUALA NERUS**

**SOALAN :**

**YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan menjelaskan tahap penggunaan dan perkembangan teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam industri pembinaan di negara ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan kaedah Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS) telah diwajibkan pelaksanaannya bagi projek Kerajaan melalui pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008. Di samping itu, Program Transformasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Transformation Programme* (CITP) 2016–2020 turut merencana usaha bagi mempertingkatkan penggunaan kaedah IBS dalam sektor awam dan swasta yang sedang dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas yang turut menyokong dasar semasa Kerajaan dalam sektor pembinaan.

Prestasi penggunaan IBS di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang positif sama ada bagi pembinaan projek sektor awam mahupun sektor swasta. Sebagai contoh, penggunaan IBS dalam projek Kerajaan mencatatkan sebanyak 80.8% pada tahun 2018 berbanding 24% pada tahun 2008 (tahun di mana pematuhan penggunaan kaedah IBS melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan diperkenalkan). Manakala bagi projek swasta pula, direkodkan sebanyak 32% projek menggunakan kaedah IBS pada tahun 2018 berbanding 14% pada tahun 2014.

Sekian, terima kasih.